

08/01/1997

Rakyat Kelantan tolak kemajuan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Pulau Chondong semalam membuktikan rakyat Kelantan mahukan Pas tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik.

Perdana Menteri berkata, kekalahan tipis BN itu turut menggambarkan sikap segelintir rakyat Kelantan yang sanggup berbuat apa saja bagi memastikan calon Pas menewaskan parti itu.

"Orang tak nak sudah, kita tidak perlu cari sebab kekalahan kerana ia tidak penting, yang penting di Kelantan, orang suka Pas. Dia tidak peduli sama ada pembangunan dan pentadbiran baik atau tidak, yang penting Pas mesti menang.

"Walaupun kelebihan hanya 118 undi, Pas mendapat majoriti dan ini menunjukkan majoriti rakyat Kelantan memilih Pas. Orang Kelantan nak asingkan diri, merajuk, apa boleh buat," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas melawat projek The Mines Resort di sini, hari ini.

Calon Pas, Zulkefli Mamat memperolehi 4,778 undi manakala calon BN, Yusoff Hamzah mendapat 4,660 undi dalam pertandingan satu lawan satu.

Zulkefli, 37, bekas pensyarah Institut Teknologi Mara Kelantan dicabar Yusoff, 51, bekas Timbalan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Keputusan diumumkan oleh Pegawai Pilihan Raya, Yusoff Noh yang juga Ketua Jajahan Machang pada kira-kira jam 8.50 malam di Dewan Majlis Daerah Machang.

Ditanya faktor kekalahan BN dalam pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, jika Umno kuat, BN sudah tentu menang.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu puncanya (kekalahan). Kita sudah menggerakkan jentera pilihan raya termasuk bilik gerakan dan pekerja tapi nampaknya orang Kelantan pilih Pas," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) di kawasan pilihan raya itu memboikot calon BN, Perdana Menteri berkata, S46 sudah tidak wujud lagi.

"S46 sudah tidak ada. Jika tanpa S46, Umno akan kalah juga, kita tidak ada alasan. Jika orang Pas sanggup keluar (kempen) dan orang Umno tidak sanggup, kita kalah," katanya.

Sama ada Pas dapat meyakinkan pengundi apabila mendakwa calon Umno anak derhaka kerana bapanya adalah ahli Pas, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak mempunyai kaitan.

"Kita mempunyai ramai calon Umno yang anak kepada orang Pas tapi kita menang di tempat lain. Ini tak boleh kait ... Kita nak cari sebab kalah, saya tak nak cari sebab," katanya sambil membayangkan BN akan membuat post mortem berhubung kekalahan itu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menganggap prestasi BN tetap menarik walaupun tewas tipis dalam pilihan raya itu.

"Majoriti kekal oleh pembangkang kerana S46 memenangi kerusi itu ketika masih dalam barisan pembangkang. Jadi kita kalah sikitlah," katanya.

Anwar turut menolak anggapan tidak ramai pemimpin tertinggi BN tidak turun kononnya menggambarkan tidak wujud kerjasama.

(END)